

STRUKTUR ORGANISASI

JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAH SABAH DAN SARAWAK)

PEJABAT YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK)
JABATAN PERDANA MENTERI

PEJABAT SETIAUSAHA
PERSEKUTUAN SABAH

BAHAGIAN HAL EHWAH
SABAH DAN SARAWAK

PEJABAT SETIAUSAHA
PERSEKUTUAN SARAWAK

MAHKAMAH ANAK
NEGERI WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN

Let every Malaysian in all the states of Malaya, Singapore, Sarawak and Sabah ensure that our Malaysia is truly worthy of the aims and hopes we have shared, the trials and stress, we have endured, in working together to achieve our common destiny.

- **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**
Perdana Menteri Malaysia Pertama

I am convinced that our great new nation has a vital part to play in this part of the world and 'Malaysia is here'.

- **Tun Mohammad Fuad Stephens**
Ketua Menteri Sabah Pertama

We must first build a new spirit among our people - Dayaks, Malays, Chinese, Kayans, Melanaus, Kedayans, Muruts and the others must not feel like races apart but as one people of Sarawak and of Malaysia.

- **Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan**
Ketua Menteri Sarawak Pertama



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAH SABAH DAN SARAWAK



— Info Lanjut Layari —



FACEBOOK



INSTAGRAM

@bahagianhalehwalsabahsarawak

LATAR BELAKANG


- Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHESS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Penubuhan ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 Januari 2020 yang bersetuju supaya Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63) dibubarkan dan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) ditubuhkan bagi memantau keputusan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa kabinet tersebut.
- Platform perundingan mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) telah ditambah baik pada 4 Januari 2023 oleh Kerajaan Persekutuan dengan menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 (JKMTPMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. BHESS telah diberikan tanggungjawab sebagai Sekretariat kepada MTPMA63 dan JKMTPMA63.
- BHESS diletakkan di bawah YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air yang telah diberi tanggungjawab berkaitan dengan hal ehwal Sabah dan Sarawak susulan rombakan kabinet Kerajaan Persekutuan pada 12 Disember 2023.

FUNGSI

BHESS, JPM menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

- menyelaras isu-isu berkaitan tuntutan dan pelaksanaan mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bersama-sama dengan semua pihak berkepentingan;
- mengurus setia perjalanan MTPMA63 dan JKMTPMA63;
- menyelaras pelaporan MTPMA63 dan JKMTPMA63 kepada Jemaah Menteri; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dengan menggalakkan sesi diskusi dan wacana awam melalui kolaborasi bersama dengan pihak berkepentingan mengenai isu-isu berkaitan MA63.

KRONOLOGI PENUBUHAN PLATFORM RUNDINGAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63)



MAJIS TINDAKAN PELAKSANAAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MTPMA63)

